

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH
[LIMBANG]**

TARIKH : 29 OKTOBER 2019 (SELASA)

SOALAN

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan apakah perancangan jangka panjang Kerajaan bagi pembangunan belia negara pada masa akan datang.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Kementerian Belia dan Sukan sentiasa memberi tumpuan kepada pembangunan belia demi menghargai peranan dan sumbangan mereka dalam pembangunan negara. Oleh sebab itu pada tahun ini, Kementerian telah pun membuat pindaan kepada Akta Belia yang telah menurunkan umur belia bagi persatuan kepada 30 tahun supaya kita dapat menyampaikan bantuan secara bersasar. Pada masa yang sama, Kerajaan telah menurunkan had umur mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun, calon pilihanraya daripada 21 tahun ke 18 tahun dan juga *Automatic Voter Registration* untuk memastikan supaya suara anak muda akan sentiasa kuat tidak kira apa pun pandangan atau parti politiknya.

2. Pada masa yang sama, kita juga telah pun memastikan bahawa anak muda yang melalui latihan amali akan dibayar jika mereka memasuki agensi-agensi kerajaan melalui inisiatif *Internship* Berbayar atau pun dengan izin, *Paid Internship*, termasuk dengan peruntukan tambahan kepada peruntukan sedia 10 juta setahun bagi usaha ini yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

3. Di bawah Kementerian Belia dan Sukan, kita telah memulakan program baharu iaitu Felo Korporat di mana anak-anak muda yang terbaik yang ingin menjadi seorang tokoh korporat pada masa yang akan datang akan diletakkan di bawah bimbingan *CEO, Chairman /* Pengurusan Tertinggi 20 syarikat gergasi di Malaysia supaya akhirnya mereka dapat dilatih untuk menjadi tokoh korporat pada masa akan datang.

4. Bagi pembangunan di peringkat akar umbi khususnya di sekolah, supaya kita dapat melatih mereka untuk menjadi pemimpin pada masa yang akan datang, Kementerian telah pun menggerakkan program *Malaysia Future Leaders School* (MFLS) di mana akan ada 35,000 anak akan dilatih, yang sebelum ini merupakan Kem BTN yang sekarang ini merupakan Kem *Malaysia Future Leaders School* (MFLS), mengikut

SOALAN NO : 6

piawaian sedia ada di mana kita mendapat input daripada semua pihak, semua parti politik, semua kerajaan negeri dan juga oleh pihak NGO dan wakil-wakil guru.

5. Perancangan jangka masa panjang pula adalah untuk memastikan bahawa program pembangunan akar umbi dapat diperkasakan dan pada masa yang sama suara anak muda itu akan sentiasa kuat. Sebagai contoh, bekerjasama dengan Kementerian-kementerian lain dalam memastikan akan ada lebih banyak wakil-wakil anak muda yang layak untuk diletakkan dalam Ahli Lembaga syarikat-syarikat gergasi termasuk GLC, supaya akhirnya pandangan mereka juga diambil kira. Sebagai contoh, Ahli Lembaga Pengarah di Perbadanan Stadium Malaysia (PSM), *Selangor International Circuit* (SIC), telah pun ada wakil-wakil anak muda dan banyak lagi akan disertakan dalam jangka masa panjang.

6. Pada masa yang sama, isu pekerjaan, telah pun kita bangkitkan berkali-kali yang akhirnya menyebabkan, lebih RM 6.5 billion diperuntukkan oleh Kementerian Kewangan melalui program Malaysia@work. Semua program-program berkenaan anak muda akan kita perkasakan bersama kerana pembangunan belia bermula dengan suara anak muda dan mereka yang lebih veteran yang prihatin kepada suara anak muda.

Sekian terima kasih.